

**HONG LEONG BANK BERHAD  
AKAUN JUNIOR 3 DALAM 1****Terma & Syarat**

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit. Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong, Terma dan Syarat E-penyata dan apa-apa terma dan syarat lain berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad ("HLB") dari semasa ke semasa setelah diberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar, serta juga peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

**1. Takrifan**

"ABM" "ATM"	Persatuan Bank-bank di Malaysia. Mesin juruwang automatik yang merupakan terminal elektronik yang dipasang oleh HLB/HLISB atau mana-mana ahli Konsortium MEPS bagi anda untuk melakukan transaksi perbankan anda. Ia menerima kad ATM/Debit atau mana-mana kad lain yang diluluskan untuk digunakan pada ATM oleh HLBB/HLISB
"CASA" "Connect"	Akaun Semasa dan Simpanan Hong Leong. Perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh HLBB/HLISB untuk membolehkan anda untuk melakukan transaksi perbankan dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau apa-apa peranti elektronik melalui pelayar internet dengan Kod Keselamatan (Security Codes); dan termasuk perkhidmatan yang mungkin ditambah, diubah atau ditarik balik oleh HLBB/HLISB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa
"Pelanggan" "Cawangan Domisil"	Pemegang Akaun Utama dan Benefisiari Akaun Junior 3 dalam 1. Cawangan di mana JA 3 dalam 1 dibuka dan dikekalkan. JA 3 dalam 1
"Baki Purata Harian"	Jumlah baki penutup setiap hari dibahagikan dengan bilangan hari dalam satu bulan calendar
"HLB"	Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan dan pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
"HLISB"	Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangannya dan pengganti hak milik serta pemegang serah haknya.
"IBG" "JA 3 dalam 1"	Giro Antara Bank Akaun Junior 3 dalam 1 yang terdiri daripada tiga (3) akaun, iaitu Akaun Simpanan Junior, Deposit Tetap Junior dan Kad Debit Junior.
"JSA"	Akaun Simpanan Junior dibuka dengan HLB dari 1 <sup>hb</sup> Ogos 2010 ke atas.
"JFD"	Deposit Tetap Junior, "akaun deposit tetap Dewasa bagi Anak" diselenggarakan dengan HLB bagi individu berumur bawah lapan belas (18) tahun.
"JDC"	Kad Debit Junior, kad debit prabayar boleh tambah nilai dikeluarkan kepada ibu atau bapa/penjaga sah bagi kemudahan anak. Kad ini diberi kepada anak dengan keizinan ibu atau bapa/penjaga sah. JDC dipautkan kepada Akaun Prabayar maya. Bulan kalendar.
"Bulan" "Cawangan Bukan Domisil"	Bulan kalendar. Mana-mana cawangan selain daripada cawangan di mana Akaun Junior 3 dalam 1 dibuka dan dikekalkan.

“Akaun Prabayar”

Akaun maya yang dipautkan kepada JDC.

## 2. Akaun Junior 3 dalam 1 (“JA 3 dalam 1”)

- (a) JA 3 dalam 1 ialah akaun Dewasa bagi Anak di mana ibu atau bapa/penjaga sah adalah Pemegang Akaun Utama bagi akaun itu manakala anak itu adalah benefisiari (“Benefisiari”). Hanya ada **satu (1)** Benefisiari bagi setiap akaun tersebut.
- (b) Benefisiari mestilah individu berumur bawah **lapan belas (18)** tahun.
- (c) Permohonan akaun tersebut mestilah dibuat oleh ibu atau bapa/penjaga sah Benefisiari itu.
- (d) JA 3 dalam 1 terdiri daripada JSA, JFD dan JDC dan dibuka serentak pada masa pembukaan akaun. Bagi mengelakkan keraguan, ibu atau bapa/penjaga sah boleh mempunyai pilihan penyelenggaraan JFD dan Akaun Prabayar dipautkan kepada JDC dengan baki **sifar (0)**.
- (e) Ibu atau bapa/penjaga sah akan mempunyai kuasa mutlak ke atas JA 3 dalam 1.
- (f) JA 3 dalam 1 dikendalikan oleh ibu atau bapa/penjaga sah.

## 3. JA 3 dalam 1

### 3.1. Akaun Simpanan Junior (“JSA”)

- (a) Minimum **Ringgit Malaysia Satu (RM1)** diperlukan untuk membuka JSA.
- (b) Faedah dalam JSA akan dikira dan diakru secara harian berdasarkan baki pada akhir setiap hari dan dikreditkan ke dalam JSA pada hari akhir setiap bulan.
- (c) Jikalau akaun ditutup, faedahnya akan dikira secara prorata berdasarkan bilangan hari akaun itu kekal aktif bagi bulan berkenaan pada hari akaun itu ditutup.

### 3.2. Deposit Tetap Junior (“JFD”)

- (a) Peletakan deposit minimum yang diperlukan bagi JFD ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**.
- (b) JFD hanya tersedia bagi tempoh 12, 24, 36, 48 dan 60 bulan (“Tempoh”). HLB mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah kadar dan Tempoh pada bila-bila masa setelah diberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar.
- (c) Peletakan JFD hanya boleh dilakukan melalui kaunter (“OTC”) di Cawangan Domisil atau melalui arahan tetap (“SI”) daripada JSA.
- (d) Semua faedah yang diperolehi bagi JFD akan dikreditkan ke dalam JSA setiap bulan.
- (e) Peletakan JFD adalah tanpa resit. Semua transaksi dan aktiviti JFD akan dipaparkan dalam Penyata Suku Tahunan JFD.
- (f) Penyata Suku Tahunan akan dijana pada Mac, Jun, September dan Disember tahun kalendar dan akan dihantar kepada ibu atau bapa/penjaga sah pada bulan berikutnya.
- (g) Ibu atau bapa/penjaga sah juga boleh mendaftar untuk E-penyata Suku Tahunan untuk menerima penyata suku tahunan secara elektronik di alamat e-mel khusus mereka. Untuk mendaftar bagi E-penyata Suku Tahunan, kunjungi mana-mana cawangan HLB atau hubungi Pusat Panggilan kami **03 - 7626 8899** atau layari [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my).

#### 3.2.1 Arahan Tetap (“SI”) bagi Peletakan JFD

- (a) Ibu atau bapa/penjaga sah JA 3 dalam 1 boleh melakukan peletakan JFD daripada JSA melalui SI.
- (b) Ibu atau bapa/penjaga sah JA 3 dalam 1 mestilah menentukan tarikh peletakan bagi peletakan JFD daripada JSA dengan peletakan minimum **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** atau dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sehingga maksimum **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** sahaja sebulan.
- (c) SI mestilah dibuat di Cawangan Domisil sahaja.
- (d) Untuk membolehkan peletakan JFD daripada JSA melalui SI, baki minimum **Ringgit Malaysia (RM1,000)** mestilah dikekalkan dalam JSA selepas peletakan JFD tersebut. Jika tidak, SI tidak akan dilaksanakan.
- (e) Peletakan SI mestilah daripada JSA kepada JFD dan peletakan hanya dibenarkan sebulan sekali sahaja dan peletakan tersebut boleh dibuat bagi Tempoh itu atau apa-apa tempoh

lain yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa setelah diberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar.

- (f) Peletakan JFD melalui SI daripada JSA akan didasarkan pada kadar semasa JFD bagi Tempoh berkenaan dan dipaparkan dalam Penyata Suku Tahunan JFD.

### **3.2.2 Pengeluaran Sebahagian Peletakan JFD**

- (a) Ibu atau bapa / penjaga sah boleh melakukan pengeluaran sebahagian awal peletakan JFD daripada JFD.
- (b) Pengeluaran sebahagian awal peletakan JFD boleh dilakukan di mana-mana cawangan, iaitu Cawangan Domisil atau Cawangan bukan Domisil.
- (c) Pengeluaran sebahagian awal peletakan JFD adalah dibenarkan dengan pengeluaran minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** atau gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** atau apa-apa amaun lain yang akan ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa setelah diberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar.
- (d) Jika sekiranya amaun dalam JFD adalah kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, maka amaun tersebut boleh dikeluarkan semuanya.

### **Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 27 September 2018 hingga 31 Disember 2018)**

- (e) Jika JFD dikeluarkan sebahagian atau keseluruhan, sebelum tarikh matang maka peraturan berikut akan digunapakai:
- (i) Faedah tidak akan dibayar bagi peletakan JFD yang dikeluarkan sebelum genap tempoh minimum **tiga (3)** bulan; dan
- (ii) Mana-mana keadaan lain yang tidak ditetapkan dalam Fasal 3.2.2 (f) (i) di atas, faedah akan dibayar bagi JFD yang dikeluarkan sebelum matang dan akan menerima separuh (1/) kadar faedah asal yang dikontrakkan pada setiap bulan yang lengkap.

HLB berhak untuk mengubah peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.2 (f) (i) and (ii) pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

### **Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 1 Januari 2019)**

- (f) Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang JFD berkuatkuasa daripada 1 Januari 2019 dan seterusnya, tanpa mingira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang.

## **3.3. Kad Debit Junior (“JDC”)**

- (a) JDC dipautkan kepada Akaun Prabayar.
- (b) Faedah tidak diberi bagi baki yang dikekalkan dalam Akaun Prabayar.
- (c) **Bahagian Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong** dengan beberapa pengecualian berikut:-
- (i) “E-Akaun” tidak dikenakan;
- (ii) “Pemegang Akaun Bersama” tidak dikenakan;
- (iii) “Penyata” tidak disediakan;
- (iv) “Fi Penyata Bulanan” tidak dikenakan; dan
- (v) Kod Keselamatan – Hanya PIN ATM akan diberi.

### **3.3.1 Tambah Nilai Kad Debit Junior**

- (a) Ibu atau bapa/penjaga sah mestilah tambah nilai ke dalam Akaun Prabayar untuk menggunakan JDC.
- (b) Terdapat **dua (2)** pilihan tambah nilai yang tersedia bagi JDC.
- Tambah Nilai Automatik**
- (i) Ibu atau bapa/penjaga sah mempunyai pilihan untuk melangani perkhidmatan Tambah Nilai Automatik untuk menambah nilai tunai ke dalam Akaun Prabayar.
- (ii) Perkhidmatan Tambah Nilai Automatik hanya tersedia daripada JSA kepada Akaun Prabayar.
- (iii) Apabila JDC dikeluarkan, **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)** didebitkan daripada JSA dan akan ditambah nilai secara automatik ke

- dalam Akaun Prabayar dengan syarat ibu atau bapa/penjaga sah telah memilih perkhidmatan Tambah Nilai Automatik.
- (iv) Tambah Nilai Automatik akan dilaksanakan apabila baki dalam Akaun Prabayar jatuh bawah had ambang **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**.
  - (v) Amaun Tambah Nilai Automatik minimum ialah **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)** dan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)** sehingga maksimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** sebulan.
  - (vi) Tambah Nilai Automatik tertakluk kepada jadual tambah nilai harian, iaitu 6.00 pagi, 1.00 petang dan 5.00 petang ("Jadual Tambah Nilai"). Sebarang Tambah Nilai Automatik diperlukan selepas 5.00 petang akan dijadualkan kepada Jadual Tambah Nilai pada hari berikut.
  - (vii) Hanya **satu (1)** Tambah Nilai Automatik dibenarkan dalam sehari.
  - (viii) Perkhidmatan Tambah Nilai Automatik adalah secara percuma.

#### Tambah Nilai Manual

- (i) Tambah Nilai Manual boleh dilakukan melalui kaunter ("OTC"), Mesin Deposit Tunai ("CDM"), Mesin Juruwang Automatik ("ATM") dan Connect ke dalam Akaun Prabayar.
- (ii) OTC:-
  - **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** akan dikenakan bagi Tambah Nilai Manual melalui OTC. Amaun ini akan dipotong daripada amaun tambah nilai (cth. jika ibu atau bapa/penjaga sah tambah nilai **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**, maka amaun yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Prabayar ialah **Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan (RM48)**).
- (iii) CDM:-
  - Masukkan JDC ke dalam CDM atau secara manual tekan nombor JDC **enam belas (16)** digit untuk tambah nilai; dan
  - Tambah nilai melalui CDM adalah percuma.
- (iv) ATM:-
  - Masukkan Kad Debit HLB ibu atau bapa/penjaga sah ke dalam ATM dan tekan nombor JDC **enam belas (16)** digit untuk tambah nilai; dan
  - Tambah nilai melalui ATM adalah percuma.
- (v) Connect:-
  - Layari [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my) dan pindahkan daripada mana-mana CASA kepada nombor JDC **enam belas (16)** digit; dan
  - Tambah nilai melalui Connect adalah percuma.

#### 4. Transaksi

- (a) Transaksi dibenarkan di ATM menggunakan JDC:-
  - (i) Pertanyaan Baki (untuk Akaun Prabayar);
  - (ii) Pengeluaran Tunai ATM (daripada Akaun Prabayar);
  - (iii) Tambah Nilai Prabayar Telefon Bimbit (daripada Akaun Prabayar);
  - (iv) Tukar PIN ATM;
  - (v) Tukar Had Kredit;
  - (vi) Penyata Mini; dan
  - (vii) Perkhidmatan Pautan Serantau.
- (b) Transaksi dibenarkan di Connect:-
  - (i) Bagi pelanggan baru HLB yang membuka JA 3 dalam 1, pendaftaran bagi akses Connect mestilah dibuat oleh ibu atau bapa/penjaga sah yang merupakan Pemegang Akaun Utama JA 3 dalam 1.
  - (ii) Bagi mengelakkan keraguan, ibu atau bapa/penjaga sah yang telah pun menjadi pengguna Connect dengan mana-mana HLB/HLISB CASA/-i lain yang sedia ada, maka JA 3 dalam 1 akan didaftarkan secara automatik dalam Connect ibu atau bapa/penjaga sah apabila akaun tersebut dibuka.
  - (iii) Ibu atau bapa/penjaga sah boleh menyemak baki dan butir-butir transaksi JSA, JFD dan JDC.

- (iv) Ibu atau bapa/penjaga sah boleh mengkredit/melakukan IBG ke dalam JSA tetapi tidak dibenarkan mendebit daripada JSA, JFD atau Akaun Prabayar melalui Connect.

## 5. Penukaran JA 3 dalam 1 apabila Benefisiari berumur lapan belas (18) tahun

- Apabila Benefisiari mencapai umur **lapan belas (18) tahun**, segala manfaat yang disediakan di bawah JA 3 dalam 1 akan dimansuhkan secara efektif pada bulan berikutnya setelah Benefisiari mencapai umur **lapan belas (18) tahun**. JSA akan ditukarkan secara automatik kepada Akaun Simpanan biasa (Akaun Bersama).
- Nombor akaun JSA akan dikekalkan dan diguna pakai kepada Akaun Simpanan biasa tersebut (Akaun Bersama).
- Akaun Simpanan (Akaun Bersama) ialah akaun simpanan atas nama ibu atau bapa/penjaga sah yang dikawal oleh **Terma dan Syarat Am Akaun Deposit** bagi akaun simpanan (untuk Dewasa).
- Peletakan JFD (jika ada) akan kekal mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan sehingga matang dan faedahnya akan dikreditkan secara manual ke dalam Akaun Simpanan biasa (Akaun Bersama) tersebut.
- Apabila matang JFD setelah Benefisiari mencapai umur **lapan belas (18) tahun**, peletakan FD akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan biasa (Akaun bersama) tersebut.
- JDC juga tidak lagi sah digunakan. Benefisiari dikehendaki mengunjung ke mana-mana HLB/HLISB dengan membawa MyKad untuk menggantikan JDC dengan Kad Debit baru yang akan dipautkan kepada Akaun Simpanan biasa (Akaun Bersama) tersebut.
- Pemberitahuan bertulis akan diberi oleh HLB kepada ibu atau bapa/penjaga sah pada masa material berhubung dengan penukaran JSA kepada Akaun Simpanan biasa (Akaun Bersama).

## 6. Fi dan Caj

- Pengeluaran tunai melalui kaunter hanya boleh dibuat menggunakan tanda pengenal yang boleh diterima oleh HLB, iaitu buku simpanan JSA (jika ada). HLB berhak, atas budi bicaranya yang mutlak, mengubah cara atau kaedah pengeluaran tunai pada bila-bila masa setelah diberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar.
- Tiada fi dikenakan bagi pengeluaran pertama melalui kaunter dalam setiap bulan kalendar. Fi perkhidmatan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** akan dikenakan bagi setiap pengeluaran berikutnya dalam bulan yang sama.
- Transaksi pengeluaran adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada semua transaksi debit seperti pengeluaran tunai, pindahan debit yang dibuat melalui kaunter dan tidak termasuk SI dan penutupan akaun.

Perihal	Fi / Yuran (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
Fi Pengeluaran JDC	RM8.00 setiap kad
Fi Tahunan JDC	RM8.00 setiap kad
Fi Penggantian JDC (Bagi JDC rosak disebabkan kesalahan Pelanggan dan hilang/kecurian)	RM18.00 setiap kad
Pengeluaran Tunai ATM <u>Dalam Negara</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>ATM HLB/HLISB</li> <li>ATM Bank Lain</li> </ul>	Tiada Yuran RM1.00 setiap transaksi
<u>Antarabangsa</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui Rangkaian ATM MEPs (Indonesia, Singapura, Thailand dan Korea)</li> </ul>	RM8.00 setiap transaksi

Perihal	Fi / Yuran (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui VISA PLUS</li> </ul>	RM12.00 setiap transaksi
Pengeluaran Tunai OTC <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran Pertama (bagi sesuatu bulan)</li> <li>Pengeluaran berikutnya (dalam bulan yang sama)</li> </ul>	Tiada Yuran RM2.00
Semak Butir-butir Transaksi JDC <ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui Connect</li> <li>Penyata Mini melalui ATM</li> </ul>	Tiada Yuran Tiada Yuran
Fi Tambah Nilai <ul style="list-style-type: none"> <li>Tambah Nilai Automatik (Daripada JSA kepada JDC)</li> <li>OTC</li> <li>Melalui CDM (Tunai kepada JDC)</li> <li>Melalui ATM (Daripada mana-mana CASA dengan Kad Debit Hong Leong kepada JDC)</li> <li>Melalui Connect (Daripada mana-mana CASA kepada JDC)</li> </ul>	Tiada Yuran RM2.00 Tiada Yuran Tiada Yuran Tiada Yuran
Penyata Bulanan Kad Debit (Penyata bercetak – Ciri pilihan untuk Pemegang Kad VISA sahaja)	RM2.00 sebulan
Penyata Bercetak berdasarkan Permintaan Nota: RM2.00 akan dicaj untuk setiap halaman jika kenyataan kurang dari setahun atau RM5.00 setiap halaman jika kenyataan lebih dari satu tahun (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)	RM10.00 setiap permintaan
Fi Dapatan Semula Draf Jualan	RM20.00
Transaksi Luar Negara	Transaksi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar pertukaran asing dan penyebaran, jika ada, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Visa, ditambah 1% kadar tambahan yang dikenakan oleh HLB.

Layak dilindungi oleh PIDM.